

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Ustādh Uthman Abdullah, Setiausaha PAS memandang rancangan memasukkan orang-orang China Islam adalah menjadi satu kecelakaan bagi bangsa Melayu dan negeri ini. Kemasukan orang-orang China Islam itu tidak boleh menjamin bagi mengembangkan taraf agama Islam dalam Persekutuan tetapi sebaliknya akan menimbulkan huru hara bagi keselamatan negara merdeka “PAS adalah berdasarkan Qur’ān dan Hadith yang mengikut jalan yang lebih sempurna dengan satu cara cita-cita politik dan cara hidup yang diatur dan di susun oleh Allāh Subhānahu wa ta’āla.”

Perkataan Ustādh ini, bagi orang-orang yang mengetahui ertinya berjuang secara agama yang berdasarkan kitab Allāh maka tentunya terlebih dahulu perjuangannya kerana agama, kemudian baharu bangsa dan nusa. Agama melebihi daripada yang lainnya. Orang-orang hairan dalam menghadapi kemasukan China Islam, PAS mempunyai pendirian seolah-olah ia satu badan kebangsaan, bukan badan siasah keagamaan, sebab ia menitikberatkan sifat-sifat berdasarkan kebendaan dan kebangsaan. Dengan ini maka orang-orang yang tidak di dalam parti makin bertambah-tambah ragu apakah PAS berjuang kerana agama atau berjuang kerana bangsa? Apakah benar tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa PAS sekarang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpinnya di luar sebagai pertubuhan agama, di dalamnya sebagai melanjutkan cita-cita perjuangan Parti Kebangsaan Melayu?

* * *

Tuduhan-tuduhan yang tersebut di atas didasarkan kepada melihat keadaan-keadaan keterangan-keterangan yang nyata iaitu menghendaki supaya kebangsaan di Malaya ini mestilah kebangsaan Melayu. Kalau didasarkan kepada kebangsaan Melayu ertinya perjuangan PAS tidak lagi didasarkan kepada cita-cita agama sebab boleh jadi dengan kebangsaan Melayu yang dikehendaki oleh PAS itu serupa dengan corak kebangsaan Melayu yang dikehendaki oleh Parti Kebangsaan Melayu iaitu ertinya Melayu sebagai bangsa dan tidak dipandang agamanya? Kata Ustādh Uthman Abdullah, PAS berjuang berdasar kepada kitab Allāh dan sunnah Rasūl tetapi bagaimana keadaan dan tututan mereka? Mudah mengatakan berdasar kepada kitab Allāh dan sunnah Rasūl-Nya tetapi apakah yang telah dilakukan mereka? Orang-orang PAS sendiri wajib berhati-hati kerana semenjak daripada Ketua PAS Dr Burhanuddin maka kita telah dapat melihat banyak pula nama-nama orang-orang Parti Kebangsaan Melayu maju ke tengah sedangkan disiplin agama tidak pun dikerjakan mereka.

* * *

Banyak fikiran yang membantah membawa masuk orang-orang China Islam dari Hong Kong yang tidak sampai seratus orang dicadangkan oleh Tunku itu tersiar. Siaran-siaran yang membantah sangat panjang disiarkan akhbar tempatan. Ini tidak ganjil bagi orang-orang yang mengikuti sejarah akhbar itu. Bukankah orang-orang China yang terlantar itu dari negeri China komunis? Tidakkah mereka melarikan diri kerana mereka ditindas oleh orang-orang

komunis? Tidakkah mereka melarikan diri kerana mempertahankan keyakinan agamanya? Semuanya soal-soal ini kalau diperkaitkan dengan sejarah lama akhbar itu tentunya orang-orang tidak hairan – kalau parti agama kuat – carilah ustādh-ustādh untuk menulis perkara-perkara agama di dalamnya tetapi kalau keadaan agama sudah tidak kuat – perkara itu sudah berubah pula. Inilah yang dikatakan orang muzabzab.

* * *

Kalau dilihat sejarah Islam, maka mula-mula kerana tidak dapat menjalankan agama dengan aman di Mekah dan kerana siksaan-siksaan yang menimpa mereka sama ada di dalam kehidupan atau lainnya maka Rasūl Allāh memerintahkan pengikut-pengikutnya berhijrah ke Habshah, hijrah yang pertama dan hijrah yang kedua. Kedatangan mereka cuba dipatahkan

dan kemudian Raja Habshah yang bukan Islam menerima mereka di sana sehingga mereka berada di Habshah selama 20 tahun. Kemudian Nabi sendiri beserta sahabat-sahabatnya berhijrah pula ke Madinah, menemui sahabat-sahabatnya orang-orang Anṣār yang terdiri daripada kabilah al-Aus dan Khazraj. Mereka diterima dengan senang hati dan hati terbuka sekalipun keadaan ekonomi mereka hampir-hampir lumpuh disebabkan peperangan saudara yang berlaku di antara mereka sesama mereka dengan fitnah orang-orang Yahudi.

Ini ialah gambaran sejarah – ertinya orang-orang Muhājir disambut oleh orang-orang Anṣār dan orang-orang Muhājir disambut oleh Kristian dengan tangan yang terbuka dengan tidak sedikit pun memandang kepada kedudukan kebendaan maka apakah kita termasuk PAS, kata fikiran sebahagian orang, akan memandang perkara jemputan



Masjid yang comel ini ialah masjid yang tinggi sekali letaknya di tanah air kita (lima ribu kaki) terletak di jajahan Cameron Highlands. Telah dibuka oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang baharu-baharu ini. Dalam gambar kelihatan sebahagian dari hadirin pada hari itu.

Tunku kepada orang-orang China Islam yang telah melarikan dirinya ke Hong Kong kerana mempertahankan keyakinan agamanya sehingga mereka tinggal di sana di rumah-rumah yang dibuat daripada kotak-kotak sabun dan seumpamanya, akan membiarkan keadaan mereka dengan pula mendasarkan hidup kita semata-mata kepada kebendaan dan menjadi orang yang semata-mata mengutamakan dirinya sendiri – tidak memandang penderitaan terhadap saudara-saudara orang-orang Islam yang terlantar? Kita wajib membuat apa yang kita boleh buat untuk mereka.

* * *

Yang patut membantah kemasukan orang-orang China Islam ini ialah orang China sendiri atau pun daripada agama lain. Orang-orang mengerti bahawa tujuan Tunku mendatangkan mereka, sekurang-kurangnya ada syarat-syaratnya iaitu untuk dijadikan mubaligh agama untuk mengembangkan agama Islam. Kalau usaha mereka berjaya, maka dalam jangka panjang sepatutnya orang-orang Islam makin banyak di sini maka sudah tentu usaha dan cita-cita perkembangan agama untuk menegakkan hukum Tuhan di negeri ini akan meluas. Apakah PAS hanya mengadakan perjuangannya di dalam faham yang sempit - di dalam faham kebangsaan yang tidak dikehendaki oleh agama? Berfikirilah baik-baik kerana perkembangan agama tidak didasarkan adakah ia orang Islam yang berbangsa Melayu, Cina atau lain-lainnya. Apabila seseorang itu telah Islam maka dengan sendirinya ia saudara kita yang jika tidak mengetahui keadaan agama kewajipan kita mengajarnya. Usahakanlah mengembangkan agama kita semoga dengannya, kalau diadakan kerjasama diantara kita dengan mereka, maka Islam akan berkembang dan akan menjadi tulang belakang kita dalam menyampaikan cita-cita Islam. Janganlah hendaknya kita terpengaruh kepada cita-cita kebangsaan dalam menghadapi kemasukan orang-orang

China Islam yang tidak sampai seratus pun orang itu!

* * *

PAS Singapura telah mendatangkan bantahan kepada Gabenor Singapura ke atas Chief Kadi Singapura yang dituduh mereka mengahwinkan seorang gadis dengan tidak persetujuan walinya. Hal ini dipandang oleh sebahagian pihak nampaknya PAS Singapura mahu buat gempar pada hal perkara ini boleh dibawah kepada Mahkamah Syariah yang akan bersidang tidak lama lagi. Selain daripada itu orang-orang ingin menanya adakah PAS sudah menyelidiki perkara itu dengan saksama dan memeriksa hulum-hukum yang muktamad mengenainya? Kalau pakai perasaan sahaja tak baik Bung!

* * *

Datuk Bandar Singapura, Tuan Ong Eng Guan telah mendatangkan suatu cadangan di Majlis Bandaraya supaya semuanya meletakkan jawatan dengan alasan bahawa di dalam kerja-kerja Bandaran selalunya tidak didapati kata-kata sepakat diantara ahli-ahli Majlis itu yang dipilih. Kerumitan-kerumitan terjadi di dalam Jemaah Bandaran itu kerana langkah-langkah Tuan Ong Eng Guan sendiri menjadi sebab banyak tenaga Ahli yang meletakkan jawatan. Hal ini sangat berbahaya kerana harus merugikan Singapura apalagi kalau maksud Tuan Ong supaya diadakan pilihan semula bermakna rakyat menderita lagi membelanja mereka, yang mau memegang kekuasaan. Kalau “berludah dan membersihkan bandar” telah menambah belanja beratus-ratus ribu lebih apakah dalam masa yang belum cukup masanya rakyat mau memikul bebanan lagi? Bagi rakyat tentunya kelapangan yang dicari. Sekalipun ia di jajah kerana mereka berpendapat kalau diperintah oleh orang yang “tidak bertimbang rasa” terhadap penanggungan rakyat bukankah, kata mereka lebih baik hidup senang di bawah penjajah? Orang ramai tidak

peduli siapa yang memerintah asalkan tidak memberatkan mereka kerana tidak ada ertinya di bawah pemerintah sendiri kalau susah sedang segelintir manusia mendapat kesenangan menjual nama rakkyat!

* * *

Datuk Raja Diraja Muhammad Dom bin Yasin, seorang Datuk Lembaga Tiang Balai Undang Luak Rembau, menurut berita akhbar, menyatakan bahawa jika hendak menjalankan dasar Qur'ān dan Hadith maka tentulah akan terjadi huru hara di negeri ini. Māshā' Allāh! Kalau orang-orang Islam sendiri tidak yakin dan tidak percaya kepada jalan al-Qur'ān dan al-hadith maka apakah yang akan disebutkan lagi. Orang-orang seperti ini harus memandang bahawa hukum-hukum Tuhan itu tidak akan dapat dijalankan lagi kerana di Malaya ini ada orang-orang yang bukan Islam.

Ini terjadi adalah kerana kejahilan mereka tentang hukum Islam sendiri kerana tidakkah di dalam Islam ada pula menentukan kedudukan-kedudukan kafir dhimmī dengan hukum-hukumnya yang tertentu? Tidakkah Islam menganjurkan berbaik-baik sesama manusia. Adakah Datuk itu memandang bahawa dengan berjalan hukum al-Qur'ān dan Hadith maknanya pedang di leher orang-orang yang bukan Islam? Kasihan! Belajar dan kajilah dahulu ilmu agama itu baharu hendak menyalahkan Qur'ān dan Hadith Datuk!

Dalam sedikit masa dahulu pemimpin-pemimpin M. C.A telah berganti orang. Dengan berganti orang itu ertinya berubah pula cara-caranya bekerja dan berjalan. Hal ini terbukti bahawa mereka menghendaki pelajaran-pelajaran dan bahasa Cina diutamakan dan dijadikan bahasa

kebangsaan. Dengan cara ini dan dengan banyaknya suara-suara mereka boleh mengundi maka bolehkah kelak dipertahankan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? Soal ini patut diperhati dari sekarang!

* * *

UMNO Singapura telah mengambil suatu keputusan untuk menuntut supaya Singapura menegakkan Sultan. Sebahagian orang memandang bahawa langkah UMNO Singapura ini undur ke belakang – mau beraja semula padahal sekarang zaman demokrasi! Soal ini dipandang oleh orang yang mencadangkannya adalah mereka tidak faham tujuan dibelakang daripada tuntutan ini. Orang mesti dapat membezakan diantara Yang Dipertuan Negara dengan Sultan, kerana dua sifat ini berlainan tujuan dan jalannya. Kalau Sultan didapat dan ini mesti diperjuangkan, ertinya hak ketuanan Melayu di Singapura ini diakui tetapi kalau hanya dengan Yang Dipertuan Negara, sekalipun ia dari orang Melayu, ertinya tidak menentukan hak ketuanan Melayu. Sebab itu bagi orang-orang Melayu, mustahak memperjuangkannya – dapat atau tidak bukan perkaranya kerana ketentuan mendapatnya bukan di tangan manusia.

* * *

Datuk Bandar Singapura sekarang menyalahkan pula parti-parti lain atas keberhentian pekerja-pekerja ahli-ahli di dalam bandaraya Singapura. Orang yang mengikuti keadaan tersenyum sahaja kerana orang mengetahui sebab-sebab ramai orang-orang berhenti, adalah kerana perbuatan Datuk Bandar sendiri bersama-sama Petirnya. Sungguh aneh kesalahan kata setengah pihak adalah mengikuti corak politik sendiri dilemparkan kepada orang lain. Cara ini biasa daripada satu parti yang mashyur!